



PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

PEJABAT DAERAH MEMBAKUT 2023-2027



AMANAT KEPIMPINAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT dengan izin-Nya Pelan Antirasuah Organisasi atau dikenali sebagai Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) Pejabat Daerah Membakut 2023-2027 dapat diterbitkan sebagai rujukan dan panduan kepada semua pegawai dan kakitangan di peringkat Pejabat Daerah Membakut dalam usaha untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

Integriti merupakan nilai utama yang perlu ada dalam setiap penjawat awam di sesebuah organisasi. Dalam konteks pejabat daerah, budaya kerja berintegriti harus dilestarikan dan dilaksanakan melalui tadbir urus yang baik di semua peringkat. Terdapat beberapa inisiatif yang telah dirangka dalam OACP pejabat daerah ini yang melibatkan sesi libat urus bersama semua pihak berkepentingan. Inisiatif yang dirangka ini merupakan antara hasrat dan matlamat organisasi untuk memastikan mutu perkhidmatan yang lebih berkualiti dapat disampaikan kepada rakyat seterusnya menjadikan organisasi lebih berintegriti serta bebas rasuah.

Dengan kerjasama dan penglibatan semua pihak, saya yakin kesemua inisiatif yang telah disusun atur dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sehubungan dengan itu, besar harapan saya agar semua pegawai dan kakitangan pejabat daerah dapat memberikan komitmen sepenuhnya dalam melaksanakan inisiatif yang terkandung dalam OACP Pejabat Daerah Membakut ini.

Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam Pembangunan pelan ini. Diharapkan agar pelan ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan oleh semua warga kerja dan dapat dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancang.

YBHG. DATUK NORLIJAH HJ DANIN

Setiausaha Tetap

Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

PERUTUSAN PEGAWAI DAERAH

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT saya memanjatkan rasa syukur kehadiran Allah SWT dengan izin-Nya Pelan Antirasuah Organisasi atau dikenali sebagai Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) Pejabat Daerah Membakut 2023-2027 berjaya dirangka dan diterbitkan sebagai panduan kepada semua pegawai dan kakitangan dalam membentuk organisasi yang berintegriti dalam menyampaikan perkhidmatan kepada orang awam.

Sebanyak 19 inisiatif telah dirangka untuk dilaksanakan oleh pelbagai bahagian yang telah dikenalpasti sebagai peneraju berdasarkan bidang keutamaan masing-masing. Kerangka dasar dan strategi di dalam OACP Pejabat Daerah Membakut ini terhasil melalui sesi libat urus bersama semua pihak berkepentingan dan dimuktamadkan melalui Jawatankuasa Pembangunan OACP Pejabat Daerah.

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Pejabat Daerah Meembakut ini adalah sebagai satu bentuk dokumen yang dianalisis secara terperinci dan teliti dengan kaedah penilaian risiko rasuah untuk mengenal pasti sektor keutamaan yang memerlukan perhatian serius. Untuk merealisasikan, kerjasama dan sokongan padu daripada semua pihak adalah penting serta merupakan tonggak utama dalam mencapai aspirasi yang diharapkan.

Akhir kata, semoga kesemua 19 inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan sepertimana dalam tempoh yang dijanjikan. Besarlah harapan saya agar OACP Pejabat Daerah Membakut Berjaya dilaksanakan oleh semua warga pejabat agar dapat mewujudkan sebuah organisasi yang berdisiplin, berintegriti dan bebas rasuah.

Salam hormat.

IBRAHIM BIN TERKI

Pegawai Daerah

Pejabat Daerah Membakut

ISI KANDUNGAN

AMANAT KEPIMPINAN PERUTUSAN PEGAWAI DAERAH ISI KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN

- 1.1 Latar Belakang Daerah Membakut**
- 1.2 Pejabat Daerah Membakut sebagai Urusetia Daerah**
- 1.3 Pelaksanaan Dasar Integriti dan Tadbir Urus**
- 1.4 Dasar / Program Yang Dilaksanakan Di Pejabat Daerah Membakut**

BAB 2: TANGGUNGJAWAB DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

- 2.1 Tangungjawab Pejabat Daerah Membakut Dalam Menangani Rasuah**
- 2.2 Faktor Berlaku Rasuah Di Sesebuah Organisasi**

BAB 3: KERANGKA PELAN

- 3.1 Visi Dan Misi Kerangka Pelan**
- 3.2 Bidang Utama Yang Terdedah Kepada Rasuah, Masalah Pelanggaran**

BAB 4: PELAN TINDKAAN OACP PEJABAT DAERAH MEMBAKUT

BAB 5: KAEDAH PEMANTAUN PENILAIAN

- 5.1 Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan**
- 5.2 Mekanisme Penyelarasan dan Penilaian**

KESIMPULAN PENGHARGAAN



BAB 1

PENGENALAN



1.1 LATAR BELAKANG DAERAH MEMBAKUT

1977

- Diwartakan menjadi Daerah Kecil pada 01 April 1977;
- Dirasmikan pada 29 Oktober 1979 oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Harris Mohd. Salleh, Ketua Menteri Sabah yang ke-6;
- Keluasan Daerah Kecil Membakut: **132.8 km persegi**

2022

- Pada 30 Mac 2022, Membakut telah dinaik taraf ke daerah penuh setelah usaha untuk menaik taraf kepada Daerah Penuh bermula pada tahun 2011 oleh Yang Berhormat Datuk Musa Aman, Ketua Menteri Sabah pada ketika itu;
- Keluasan terbaru ialah **1,480 km persegi**;
- Anggaran penduduk setakat 2022 ialah 46,220 ribu penduduk;
- Mempunyai 2 Dun iaitu:- N.30 Bongawan (7 mukim) dan N.31 Membakut (4 mukim);
- Aktiviti ekonomi utama ialah : Pertanian


Rajah 1: Latar belakang Daerah Membakut



Gambar 1: Majlis Pelancaran Daerah Penuh Membakut pada 14 Oktober 2023 (Sabtu) yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor (dua dari kanan) dan disaksikan oleh Yang Berbahagia Datuk Norlijah binti Danin (Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Luar Bandar), Yang Berhormat Datuk Mohammad bin Alamin (Ahli Parlimen P.176 Kimanis), Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif (ADUN N.31 Membakut) dan Yang Berusaha Tuan. Ibrahim bin Terki, Pegawai Daerah Membakut.




1.1.1 PETA MEMBAKUT



Sumber: Jabatan Tanah dan Ukur Beaufort

1.2 PEJABAT DAERAH MEMBAKUT SEBAGAI URUSETIA DAERAH





1.2.1 PERANAN PEJABAT DAERAH MEMBAKUT




Rajah 3: Peranan Pejabat Daerah Membakut dari sudut Pentadbiran

• SEKTOR PEMBANGUNAN

Di bawah Sektor Pembangunan, Pejabat Daerah Membakut merupakan **perancang, pelaksana, penyelarasan dan pemantau secara langsung** bagi projek-projek Pembangunan luar bandar khususnya kemudahan asas, aktiviti sosial dan juga Pembangunan ekonomi kepada golongan miskin tegas dan miskin.

Antara Rakan Strategik Pejabat Daerah Membakut Dalam Projek Pembangunan Luar Bandar:

- 1) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR;
- 2) KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH;
- 3) PERUNTUKAN ADUN;
- 4) JABATAN KETUA MENTERI;
- 5) KEMENTERIAN PERTANIAN;
- 6) KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH;
- 7) PERUNTUKAN PARLIMEN P.176 KIMANIS;
- 8) PERUNTUKAN KHAS MENTERI;
- 9) SABAH ECONOMIC DEVELOPMENT AND INVESTMENT AUTHORITY (SEDIA);
- 10) UNIT PENYELARASAN DAN PELAKSANAAN JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM)



1.3 PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Mesyuarat Jawatankuasa khas Kabinet berkaitan dengan Antirasuah (JKKMAR) kali pertama yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Jun 2018 telah memutuskan bahawa setiap kementerian dan jabatan perlu merangka dan menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Penyediaan Pelan Antirasuah ini bertujuan untuk;

Menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integrity dan tadbir urus dalam negara bagi tempoh lima tahun akan datang.

Melalui Surat Pekeliling Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri bertakrih 19 Februari 2019. Di peringkat daerah, Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Negeri telah mewajibkan **semua Kementerian, Jabatan mahupun Pejabat Daerah untuk membangun**



dan menggubal **Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan) (OACP)** selaras dengan Pelan Antirasual Nasional 2019-2023 di bawah Bidang Keutamaan Pentadbiran Sektor Awam Strategi 2 iaitu Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLB) telah merangka Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) (2022-2026) dan menghendaki Pejabat Daerah Membakut untuk menyediakan Pelan OACP sebagai panduan dalam melaksanakan tadbir urus yang baik serta menerapkan nilai integriti dalam melaksanakan tugas sebagai urusetia daerah.

1.4 DASAR / PROGRAM YANG DILAKSANAKAN DI PEJABAT DAERAH MEMBAKUT

Berdasarkan Dasar Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) sebagai penggerak utama dan Pejabat Daerah Membakut sebagai pelaksana dengan kerjasama pelbagai agensi-agensi kerajaan Negeri dan Persekutuan sebagai Rakan Strategik telah memberi fokus kepada kesejahteraan luar bandar dan peningkatan pendapatan serta kualiti hidup golongan miskin tegar mahupun miskin melalui program-program seperti berikut:

1

Program Rumah Mesra Sabah Maju Jaya (RMSMJ)

- membantu masyarakat Membakut khususnya golongan miskin tegar mempunyai akses kepada perumahan mampu milik. Setakat 2023, Dun Membakut dan Dun Bongawan masing-masing mendapat kelulusan untuk membina 20 unit rumah mesra SMJ;

2

Program MiskinTegar

- bantuan dari UPEN untuk membantu miskin tegar melalui bantuan Mesin Jahit, Peralatan Nelayan, Pembungkusan dan pemasaran Belacan, pembukaan Kedai Runcit Kampung dan Kedai Cuci Kereta di bahagian pedalaman;

3

Peruntukan Khas

- membangun kawasan luar bandar dengan pelaksanaan projek kemudahan awam dan kesejahteraan rakyat melalui Peruntukan Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN);

4

Program Pembangunan Kecil Luar Bandar

- membangun kawasan luar bandar dengan pelaksanaan projek kemudahan awam dan kesejahteraan rakyat melalui bina baru jalan atau baik pulih jalan luar bandar di kawasan Membakut;



5

Program Ameniti dan Ekonomi Desa

- membangun kampung yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi melalui Program Kampung Sejahtera. Setakat 2023, Membakut mempunyai satu (1) Kampung Sejahtera , iaitu Kg. Tiong Baru.

6

Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)


- melibatkan peserta program Mini Estet Sejahtera (MESEJ) di kawasan MESEJ. Aktiviti Ekonomi Tambahan yang akan dilaksanakan adalah tanaman nanas MD2, ternakan madu kelulut, tanaman nagka madu dan kelapa pandan. Setakat ini, Membakut belum dapat melaksanakan program tersebut.

7

Program Satu Daerah Satu Produk

- meningkatkan pendapatan golongan sasar melalui projek ekonomi hiliran nilai tambah melalui Kursus Pemprosesan Mee di Kg. Lumat, Membakut.





Rajah 5: Fungsi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)

BAB 2
TANGGUNGJAWAB DAN CABARAN
MENANGANI RASUAH



2.1 TANGUNGJAWAB PEJABAT DAERAH MEMBAKUT DALAM MENANGANI RASUAH

Negara tidak lekang dari isu rasuah. Oleh yang demikian, KPLB Sabah sebagai penggerak utama dan Pejabat Daerah Membakut sebagai pelaksana memikul tanggungjawab yang besar dalam memastikan organisasi bebas dari sebarang bentuk rasuah yang boleh membawa kepada kelunturan rasa percaya terhadap Kerajaan sebagai pentadbir negara.

Untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus, melalui Surat Pekeliling Pejabat Setiausaha Negeri No rujukan JKM.100-4/62 bertarikh 30 April 2021 dan seiring dengan usaha Pendigitalan Kerajaan Negeri Sabah, semua Kementerian, Jabatan, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Negeri, dan Badan Berkanun Negeri hendaklah melaksanakan **Sistem i-Adu Unit Integriti Negeri Sabah**. Antara fungsi Sistem i-Adu ialah;

- a) Memudahkan orang awam membuat aduan secara dalam talian dan memberi maklum balas dengan lebih cekap, cepat dan telus;
- b) Statistik aduan awam dan aduan integriti dipaparkan secara *real-time* yang membolehkan pihak pengadu (orang awam) dan pihak penerima aduan iaitu Pejabat Daerah Membakut mengetahui berapa bilangan aduan diterima pada suatu masa dan menyelesaikannya mengikut prosedur yang betul dan telus.
- c) Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui pengurusan aduan yang seragam dan sistematik.

Usaha Pejabat Daerah Membakut selaku pelaksana dasar di Peringkat Daerah untuk memperkenalkan Sistem i-Adu kepada Masyarakat dapat dilihat melalui poster yang telah ditampal di luar bangunan pejabat, di bahagian Pentadbiran dan bahagian Pembangunan bagi memudahkan orang awam yang berurusan di Pejabat ini mengenali Sistem tersebut dengan hanya **scan QR Code** yang tertera di dalam poster tersebut untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Sistem i-Adu.

Sistem tersebut disambut baik di peringkat Pejabat kerana pentadbiran sistem yang telus dan dapat diakses bukan sahaja Pejabat Daerah tapi juga Unit Integriti Sabah sebagai pentadbir sistem.





2.2 FAKTOR BERLAKU RASUAH DI SESEBUAH ORGANISASI



Rajah 6: Faktor berlaku rasuah di sesebuah organisasi

- **KELEMAHAN PERIBADI**

Kelemahan peribadi itu sendiri boleh membawa kepada berlakunya kes-kes rasuah di sesebuah organisasi. Sikap tidak ambil peduli walaupun mengetahui bahawa memberi atau menerima rasuah itu haram di sisi agama dan salah di sisi undang-undang menyebabkan orang yang menerima dan memberi rasuah itu mencipta pelbagai alasan untuk membenarkan tindakan tersebut. Untuk menanganinya, penjawat awam itu perlu berpegang teguh kepada ajaran agama masing-masing bahawa niat tidak menghalalkan cara. Selain itu, tingkatkan kepercayaan bahawa rezeki yang halal itu tidak akan putus jika kita usaha dan perlu sematkan dalam diri duit yang terhasil daripada rasuah itu haram dan akan dihitung pada akhirat kelak.

- **KURANG PENGETAHUAN MENGENAI KESAN BURUK RASUAH**

Perlunya sesi libat urus di antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan organisasi itu sendiri untuk membuat lawatan dan seterusnya memberi pendedahan mengenai rasuah dan contoh-contoh jenis kesalahan yang boleh didakwa dibawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694). Ini membantu penjawat awam untuk mendapat



gambaran lebih jelas mengenai rasuah dan kesan-kesan buruk apabila rasuah berlaku di sesebuah organisasi. Untuk menangainya, penjawat awam diwajibkan untuk menghadiri seminar mengenai rasuah dan integriti untuk memberi kefahaman dan pendedahan mengenainya seterusnya menerapkannya dalam diri.

- **KETIRISAN INTEGRITI DALAM DIRI**

Sebagai penjawat awam, nilai integriti adalah sangat penting dalam menjalankan tugas yang diamanahkan oleh Ketua Jabatan. Integriti ialah kualiti jujur bukan sahaja melalui percakapan tetapi juga melalui perbuatan seseorang individu itu dengan menyelaraskan di antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang. Ketirisan nilai yang penting ini menyebabkan penjawat awam mudah terdedah kepada penipuan dan pecah amanah yang boleh membawa kepada isu rasuah. Untuk menangainya, penjawat awam perlu membudayakan integriti dengan meningkatkan kesedaran dalam diri bahawa setiap perbuatan rasuah yang dilakukan akan mencemarkan imej Kerajaan seterusnya membantutkan ekonomi negara. Pembudayaan integriti melalui disiplin diri dengan mematuhi peraturan dan undang-undang penjawat awam dilihat dapat membantu dalam memerangi rasuah daripada terus berlaku.

- **GAJI RENDAH**

Konsep seperti ini cenderung berlaku kepada penjawat awam yang bergaji rendah. Kajian yang telah dibuat oleh Cuepecc mendapati penjawat awam yang bergaji rendah menjadi punca perbuatan rasuah ini terus berlaku. Penjawat awam yang tergolong di bawah B40 dengan bilangan isi rumah yang ramai menyebabkan mereka terpaksa mengambil inisiatif lain untuk menambah pendapatan walaupun dari sumber yang salah demi kelangsungan hidup yang lebih selesa. Untuk menagnani nya, inisiatif daripada pihak yang berwajib iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia sangat diperlukan untuk mengkaji semula gaji minimum untuk semua jawatan dan perlu mengambil kira kos sara hidup di sesebuah negeri yang makin meningkat.

BAB 3

KERANGKA PELAN OACP PEJABAT

DAERAH MEMBAKUT



3.1 VISI DAN MISI KERANGKA PELAN

Rasuah dapat dibendung melalui pendekatan OACP dilihat dapat menjadi penawar kepada masalah rasuah yang berleluasa pada abad ini. OACP merupakan satu dokumen dasar anti rasuah di peringkat organisasi sebagai panduan kepada organisasi itu sendiri yang bertujuan untuk menangani kelemahan governans, integriti dan rasuah dalam organisasi. Walaupun dengan kewujudan akta khusus berkaitan rasuah iaitu Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) dengan hukuman yang lebih berat dengan menggantikan akta yang lama iaitu Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan pelbagai pelan integriti yang telah diwujudkan, tidak dapat dinafikan bahawa masih berlaku pelbagai kesalahan jenayah melibatkan rasuah dan integriti dilaporkan oleh penjawat awam.

Pejabat Daerah Membakut mengambil langkah proaktif dalam menangani rasuah daripada berlaku di organisasi ini dengan menyahut seruan KPLB untuk merangka OACP bagi tahun 2023 hingga 2027.

VISI

- Menerapkan Nilai Integriti dan Antirasuah serta membudayakannya di kalangan Warga Pejabat Daerah Membakut

MISI

- Penguksan nilai integriti dan antirasuah dalam melaksana tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat Membakut

MATLAMAT

- Melahirkan modal insan yang berintegriti dan bebas rasuah;
- Memastikan kecekapan tadbir urus dan ketelusan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat Membakut;
- Memberikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, efektif dan efisien.



Rajah 7: Antara bidang keutamaan yang diberi perhatian dalam Pelan OACP



Rajah 8: Antara Strategi dan Objektif Strategi yang dikenal pasti dalam Pelan OACP



3.2 BIDANG UTAMA YANG TERDEDIAH KEPADA RASUAH, MASALAH PELANGGARAN

INTEGRITI DAN TADBIR URUS

1. PENTADBIRAN AWAM

Pentadbiran merujuk kepada istilah daripada perkataan Latin iaitu administration,

Menurut kamus Royal Spanish Academy (RAE), makna pertama konsep pentadbiran adalah perbuatan dan hasilm mengurus (mengarahkan atau mengatur sesuatu).

Pentadbiran awam pula dikaitkan dengan pengurusan perkhidmatan yang disediakan oleh negara dan dengan kumpulan entiti negara yang berdedikasi untuk mengembangkan fungsi-fungsinya.

Pemikiran dan falsafah mendefiniskan pentadbiran awam sebagai satu organisasi dan pengurusan sumber manusia manusia dan fungsi tertentu untuk mencapai matlamat Kerajaan. Pentadbiran juga dikenali sebagai “satu seni dan sains pengurusan berdasarkan daripada Ahmad Atory,(1997).

2. PEROLEHAN AWAM

Perolehan adalah satu proses yang dilakukan oleh sesebuah agensi bagi mendapatkan sesuatu, keperluannya daripada pihak ketiga dengan menggunakan wang yang telah diperuntukkan mengikut undang-undang, tatacara dan gari panduan yang ditetapkan serta mengambil kira prinsip dan dasar semasa kerajaan yang berkaitan. Berdasarkan kepada senario semasa, perolehan ialah suatu bidang dalam urusan kerajaan yang paling terdedah kepada risiko rasuah dan salah guna kuasa.

3. PENGUATKUASAAAN UNDANG-UNDANG

Sebagai sebuah negara yang berkembang maju dan sistematik, umu mengetahui bahawa didalam sesuatu organisasi baik sektor awam mahupun swasta, sentiasa tertakhluk kepada undang-undang dan peraturan. Sebagai seorang penjawat awam, undang-undang dan peraturan seperti Peraturan-Peraturan Pegawai Awam 2008, Arahan Perkhidmatan, Arahan Perbendaharaan dan lain-lain yang berkaitan dengan perkhidmatan awam menjadi asas dan panduan dalam menjalankan tugas rasmi seharian.

Penerapan integriti dan tadbir urus yang teratur akan dapat dipastikan dengan adanya penguatkuasaan undang-undang yang menyeluruh di semua peringkat organisasi. Oleh yang demikian, penguatkuasaan undang-undang yang berkesan dapat memastikan sesuatu organisasi tersebut dapat melaksanakan tanggungjawab jabatan sejajar dengan tujuan Kerajaan.



KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN

19 INISIATIF

Terdapat 18 inisiatif telah dikenal pasti dalam Pejabat Daerah Membakut untuk menjadikan Pejabat Daerah Membakut ke arah pemantapan integriti, tadbir urus dan pencegahan rasuah.

BIL.	INISIATIF	STRATEGI
1.	Mengadakan kursus/taklimat atau program kesedaran integriti atau tanggungjawab seseorang penjawat awam dalam melaksanakan tugas	Strategi 1
2.	Memperkasakan program-program yang berbentuk kerohanian dan penerapan nilai-nilai murni	Strategi 1
3.	Melaksanakan proses dan prosiding tataertib yang tegas sebagai pengajaran kepada pelaku kesalahan tatatertib	Strategi 1
4.	Melaksanakan hebahan dan sebaran masalah-masalah integriti dan anti rasuah sebagai pengajaran	Strategi 1
5.	Melaksanakan pusingan kerja atau tukar skop kerja kakitangan bagi jawatan yang sensitif dan tidak sensitif	Strategi 1 (Objektif Kedua)
6.	Mengadakan sesi libat urus secara berkala bersama bahagian/unit/jabatan bagi mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus dan integriti	Strategi 1 (Objektif Kedua)
7.	Mengadakan sesi libat urus dan naziran secara berkala bersama bahagian lain bagi mengenal pasti: ● tahap pematuhan pentadbiran, sistem kerja dan prosedur ● isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus dan integriti	Strategi 1 (Objektif Kedua)
8.	Menyediakan surat lantikan setiap Ahli Jawatankuasa yang dilantik dan menandatangani borang integriti (Borang Aku Janji)	Strategi 2
9.	Melaksanakan prosedur perolehan awam dengan telus dan mengikut pekeliling yang berkuatkuasa	Strategi 2
10.	Penguatkuasaan Ordinan Perlesenan Perniagaan 1948	Strategi 3
11.	Menyediakan laporan kehadiran kakitangan pada setiap hujung tahun	Strategi 3
12.	Menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib Pejabat Daerah dan melaksanakan mesyuarat tatatertib mengenai masalah disiplin kakitangan	Strategi 3

BAB 4
PELAN TINDAKAN OACP PEJABAT
DAERAH MEMBAKUT
2023-2027



Bidang Keutamaan 1: SEKTOR PENTADBIRAN AWAM

STRATEGI 1: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

OBJEKTIF STRATEGI:

1.1 Memastikan ketelusan dan akuntabiliti dalam perkhidmatan Kerajaan

BIL.	INISIATIF	BAHAGIAN/UNIT PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.1.1	Mengadakan taklimat atau program berkenaan integriti dan tanggungjawab seseorang penjawat awam dalam melaksanakan tugas	Pegawai Integriti	Sekali setahun
1.1.2	Memperkasakan program-program yang berbentuk kerohanian dan penerapan nilai-nilai murni setiap warga kerja	Pegawai Daerah	2 kali setahun
1.1.3	Melaksanakan hebahan dan sebaran masalah-masalah integriti dan anti rasuah sebagai pengajaran	Pegawai Daerah	Sepanjang masa

OBJEKTIF STRATEGI:

1.2 Memperkasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik

BIL.	INISIATIF	BAHAGIAN/UNIT PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.1.4	Melaksanakan pusingan kerja atau tukar skop kerja kakitangan bagi jawatan yang sensitif dan tidak sensitif	Pegawai Sumber Manusia	3 hingga 5 tahun dalam tempoh perkhidmatan
1.1.5	Mengadakan sesi libat urus dan naziran secara berkala bersama bahagian lain bagi mengenal pasti : - tahap pematuhan pentadbiran, sistem kerja dan prosedur - isu-isu yang berkaitan dengan tadbir urus dan integriti	Bahagian Pentadbiran Pejabat Daerah	3 kali setahun (sekiranya ada)



Bidang Keutamaan 2: PEROLEHAN AWAM

STRATEGI 2: Mempertingkatkan Ketelusan Dan Keberkesanan Dan Perolehan Awam

OBJEKTIF STRATEGI:

2.1 Meningkatkan ketelusan perolehan dan mengurangkan risiko rasuah

BIL.	INISIATIF	BAHAGIAN/UNIT PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
2.1.1	Menyediakan surat lantikan setiap Ahli Jawatankuasa yang dilantik dan menandatangani borang integriti (Borang Aku Janji)	Pegawai Integriti	2 kali setahun (jika perlu)
2.1.2	Melaksanakan prosedur perolehan awam dengan telus dan mengikut pekeliling	Bahagian Pembangunan dan Pentadbiran	2 kali setahun (jika perlu)

Bidang Keutamaan 3: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 3: Penguatkuasaan Undang-Undang

OBJEKTIF STRATEGI:

3.1 Meningkatkan kecekapan dan profesionalisma dalam setiap unit di Pejabat Daerah Membakut

BIL.	INISIATIF	BAHAGIAN/UNIT PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
3.1.1	Penguatkuasaan Ordinan Perlesenan Perniagaan 1948	Bahagian Hasil Pejabat Daerah	2 kali setahun
3.1.2	Menyediakan laporan kehadiran kakitangan pada setiap hujung tahun	Pegawai Sumber Manusia	Sekali setahun
3.1.3	Menubuhkan Jawatankuasa Tatatertib Pejabat Daerah dan melaksanakan mesyuarat tatatertib mengenai masalah disiplin kakitangan	Pegawai Daerah	2 kali setahun (jika perlu)



BAB 5

KAEDAH PEMANTAUAN PENILAIAN



5.1 MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Untuk memastikan inisiatif antirasuah, dilaksanakan secara cekap dan berkesan, proses pelaporan secara sistematik akan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Antirasuah (JAR) KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah yang akan bersidang sebanyak tiga kali setahun. Mesyuarat tersebut akan dipengerusikan oleh Setiausaha tetap KPLB Sabah yang berperanan untuk menilai pelaksanaan inisiatif-inisiatif Pelan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah serta membuat keputusan bagi isu-isu berkaitan.

Selaras dengan hasrat itu, pihak Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan OACP KPLB Sabah dan Pejabat-Pejabat Daerah sebagaimana arahan arahan YAB Perdana Menteri dalam pemantapan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Unit Integriti akan bertanggungjawab sebagai sekretariat yang akan melaksanakan aktiviti-aktiviti pelaporan dan mendapatkan maklum balas daripada peneraju-peneraju inisiatif di samping bertindak sebagai pemudah cara yang akan menyelaras keperluan pihak-pihak berkaitan dalam pelaksanaan Pelan OACP tersebut. Dalam masa yang sama, unit ini juga merupakan peneraju bagi inisiatif yang melibatkan pengukuhan integriti, pematuhan dan tatatertib.



5.2 MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN

Keutamaan penilaian bagi memastikan setiap tindakan yang telah dilakukan mencapai jangkaan dan matlamat Pelan OACP Pejabat Daerah Membakut merupakan amalan penting yang harus dipraktikkan. Oleh itu pemantauan dan penilaian akan dijalankan dalam mengenal pasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan setiap strategi dan inisiatif berdasarkan mekanisme yang berikut:





KESIMPULAN

Pejabat ini bertekad dalam memastikan semua strategi yang telah dirangka dapat dilaksanakan dengan jayanya dan mendapat Kerjasama dari semua pihak. Pejabat ini ingin memastikan bahawa gejala rasuah dapat dibanteras dan mempunyai tahap integriti yang tinggi.

Visi OACP Pejabat Daerah Membakut iaitu “Menerapkan Nilai Integriti dan Antirasuah serta membudayakannya di kalangan Warga Pejabat Daerah Membakut haruslah menjadi komitmen yang berterusan bagi setiap warga Pejabat Daerah Membakut. Visi ini hendaklah disemai di dalam hati dan menjadi pegangan serta aspirasi kepada semua warga kerja dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab harian. Dengan aspirasi tersebut, Pelan OACP ini yang merupakan gambaran usaha pencegahan rasuah akan dapat di realisasikan oleh semua pihak bagi menangani isu tadbir urus, integriti dan antirasuah secara holistik dan mampan.

Bagi memastikan kelangsungan OACP Pejabat Daerah Membakut komitmen yang tinggi dari warga Pejabat Daerah Membakut amat diperlukan melalui pelaksanaan keseluruhan inisiatif yang telah digariskan termasuk pemantauan dan penilaian secara konsisten. Dengan ini, usaha yang dijalankan sentiasa relevan dan dapat diukur tahap keberkesanannya seiring dengan perubahan semasa dan pengaplikasian teknologi yang pesat membangun.

**RAKAMAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA
PEJABAT DAERAH MEMBAKUT**

TUAN IBRAHIM BIN TERKI
Pegawai Daerah Membakut

PUAN NUR SAYFA'AH BINTI SAZALEH
Pegawai Tadbir

Rakaman penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah Membakut dan jabatan lain yang terlibat dalam penyediaan maklumat dan dokumentasi Pelan Antirasuah Organisasi, Pejabat Daerah Membakut;

Dan semua warga Pejabat Daerah Membakut.

**PENGHARGAAN KEPADA AGENSI YANG TERLIBAT SECARA TIDAK LANGSUNG
DALAM PENYEDIAAN MAKLUMAT UNTUK MERANGKA PELAN OACP:**

UPPM MEMBAKUT

UPPM BONGAWAN

JABATAN TANAH DAN UKUR BEAUFORT